



BULETIN

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

APRIL - JUN 2023



JPKN.SABAH.GOV.MY



Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

SIDANG RIDAKSI

PENASIHAT

Tuan Kamaltan Karimin
Timbalan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

PENGERUSI

Adrian Sikajat

EDITOR DAN PEREKA GRAFIK

Mohd Saifuddin Bin Karim

PASUKAN SOKONGAN

Julita Mujim



SEMINAR ICT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR SABAH

9 Mei
2023

Seminar ICT Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah tahun 2023 anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) Sabah telah diadakan pada 9 Mei 2023 di The Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu. Seramai 100 peserta dari Pejabat Daerah, Pejabat Daerah Kecil, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Perbandaran Tawau, Majlis Perbandaran Sandakan, dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah sendiri menghadiri seminar tersebut.

Majlis Perasmian Penutupan Seminar ICT KPLBS Tahun 2023 telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, YB Datuk Jahid Jahim, yang turut dihadiri oleh Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, YB Tuan Samad Jambri.



Seminar ini sangat relevan dengan tema "Transformasi Digital Luar Bandar" yang menjadi isu utama dalam pembangunan ekonomi dan teknologi di negeri Sabah. Transformasi digital luar bandar menjadi sangat penting dalam memastikan bahawa tiada daerah yang tertinggal dalam hal pembangunan ekonomi dan teknologi.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil langkah proaktif untuk mempercepatkan transformasi digital di luar bandar, termasuk memperbaiki infrastruktur komunikasi dan rangkaian internet, menggalakkan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), serta memperkenalkan program-program latihan dan kemahiran digital di kalangan pejawat awam dan penduduk di kawasan luar bandar.



Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah amat komited dalam usaha pendigitalan perkhidmatan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) dan semua organisasi yang terlibat demi mencapai sasaran pendigitalan perkhidmatan selaras dengan inisiatif dan halatuju Sabah Maju Jaya. Beberapa sistem seperti Sistem eJPKK, Sistem Aplikasi Profail Kampung (SAPKS) dan Sistem Lesen Perniagaan sedang digunapakai oleh Kementerian dan pejabat-pejabat daerah.



We are thrilled to extend our warmest congratulations to the 10 exceptional individuals who have been selected to join our Industrial Bridging Program: Digital Apprenticeship. Industrial Bridging Program: Digital Apprenticeship collaboration between SCENIC and JPKN to offers a transformative opportunity for aspiring digital leaders to develop their skills, gain practical experience, and make a real impact in the industry. We are honored to welcome these talented individuals to our program and excited to witness their growth and progress as they embark on this journey to become digital innovators. We believe in their potential and are committed to supporting them every step of the way. To our new apprentices, congratulations on this remarkable achievement. We are confident that you will thrive in this program and create a brighter future for the digital world. Let's work together to achieve success and make a real difference in the industry.

resource : Sabah Creative Economy and Innovation Centre facebook page



Majlis

JALINAN KASIH SEMARAK BAKTI SIMPULAN UKHUWAH JPKN 2023

JPKN

12 Mei
2023



12/5/2023 MAJLIS JALINAN KASIH SEMARAK BAKTI SIMPULAN UKHUWAH
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI 2023 anjuran PERKIS-JPKN & KESITER
TEMPAT: Dewan serbaguna Aras 6, Blok A, Menara Kinabalu
Masa: 10:00 pagi - 2:30 petang





KAD BISNES PEGAWAI

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI


23 Mei
2023

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) telah memperkenalkan kad bisnes digital pegawai serba baharu menggunakan teknologi NFC. Hanya sentuhkan kad sama ada pada hadapan atau belakang telefon bimbit Android mahupun iPhone atau boleh menggunakan imbasan QR Code pada kad tersebut. Penghasilan Kad Bisnes Digital Pegawai ini merupakan salah satu inisiatif pembaharuan yang mana selama ini menggunakan kad bisnes yang dicetak menggunakan kertas dan maklumat hanya terpapar pada kad tersebut sahaja.

Kini, Jabatan ini telah mengambil usaha dalam menaiktaraf daripada kad bisnes biasa kepada kad bisnes digital yang mana semua maklumat profil pegawai boleh disimpan terus ke dalam telefon bimbit pelanggan dengan hanya satu sentuhan kad pada telefon atau imbasan QR Code.

Pegawai juga boleh berkongsi maklumat profil kepada pelanggan pada bila-bila masa tanpa had. Oleh itu, pelanggan akan mendapat maklumat pegawai dengan lebih cepat, mudah dan berkesan.

Bagi Fasa 1, Seramai 102 orang pegawai JPKN yang terpilih telah diberikan kad bisnes digital pegawai yang terdiri daripada Gred Jawatan 29 dan ke atas.





ASIA PACIFIC CYBERATTACK RESPONSE CHALLENGE 2023

19-21 Mei 2023

Sempena Asia Pacific Cybersecurity Conference (APSEC) 2023 yang diadakan di Kuching, Sarawak pada 19-21 Mei 2023, pertandingan Asia Pacific Cyberattack Response Challenge 2023 telah dianjurkan, suatu pertandingan "Capture The Flag" (CtF) yang dijelaskan oleh pihak penganjur sebagai "...for teams of 3 players, competing to solve cyber security-related challenges, the objective of which is to provide a platform for students and professionals to demonstrate their capability to analyse, investigate and respond to different types of cyber incidents."



Untuk julung kalinya, Kerajaan Negeri Sabah melalui JPKN telah menghantar 3 pasukan untuk mengambil bahagian dalam pertandingan seumpama ini, yang turut disertai oleh para peserta dari rantau Asia Pasifik, termasuk dari Australia, Indonesia, Hong Kong, Singapura dan Brunei, selain dari Malaysia.

Kesemua 3 pasukan Kerajaan Negeri Sabah telah berhimpun di "War Room" dan berjuang selama 5 jam pada 20 Mei 2023 (Sabtu) secara dalam talian, dengan salah satu pasukan mendapat tempat ke-11 daripada 18 pasukan yang bertanding. Ini merupakan pengalaman amat berharga bagi semua peserta.

Syabas dan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah menayakan penyertaan ini :

- Ts. Julkifli Ag Besar (Mentor)
- Ts. Faizal Heesyam Mohd Kassim
- Edi Abd Majid
- Dicky Malanjun
- Mohd Alvian Zaidy Abd Sitia
- Khairul Hazwan Ahmad
- Andy Junasiah
- Aryus Ahoi
- Azmi Ansawi
- Ts. Ebenezer Godomon (Penyelaras)



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

ANTARA DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU &
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

MOU

27 Mei
2023

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah bagi menjalinkan kerjasama dalam Perkhidmatan Penempatan Aplikasi bagi Sistem i-Huni yang merupakan sistem pangkalan data berpusat berkaitan dengan kependudukan di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu.



Momen yang bersejarah ini menyaksikan perjanjian sempurna ditandatangani pada hari ini 26 Mei 2023 oleh YBhg. Datuk Noorliza Awang Alip, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dan Puan Ernywati Dewi Abas, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah dan disaksikan oleh Puan Junainah Abbie, Ketua Pengarah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Tuan Kamaltan Karimin, Timbalan Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah. Turut hadir sama dalam majlis ini Puan Rosnah Datu Tumai, Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan), Tuan Robert Lipon , Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan para pegawai kanan DBKK serta beberapa pegawai JPKNS.



Jalinan kerjasama atas dasar G2G ini adalah inisiatif menyediakan perkhidmatan penempatan aplikasi oleh JPKNS selaras dengan Dasar Pendigitalan Kebangsaan.



Majlis Apresiasi & ANUGERAH & PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022



Ybhg. Puan Ernywati Dewi Abas menyempurnakan Majlis Apresiasi & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

Seramai 24 orang penerima Anugerah Khas Pengarah & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 diraikan bagi sesi kali ini. Acara tahunan JPKN ini bertujuan mengiktiraf dan menghargai kecemerlangan yang telah dicapai oleh warga JPKN sepanjang tahun 2022.

Majlis ini juga salah satu inisiatif Jabatan untuk menyuntik kesungguhan dan semangat kepada warga JPKN untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik, kompetitif dan berkesan.

Tahniah dan syabas kepada semua penerima APC 2022.





SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

PUAN ERNYWATI DEWI BINTI ABAS



DIATAS KEPIMPINAN , DEDIKASI DAN
KEPERIHATINAN SELAMA BERKHIDMAT DI
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

DARIPADA SELURUH
WARGA JPKN



ERNYWATI

SEMINAR ICT SEKTOR AWAM WILAYAH PEDALAMAN ATAS

7 Jun
2023

Seminar ICT Sektor Awam Wilayah Pedalaman Atas tahun 2023 anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) Cawangan Wilayah Pedalaman Atas telah diadakan pada 7 Jun 2023 di Dewan Selingkawang, Pusat Kraftangan Yayasan Sabah, Keningau. Seramai 112 peserta dari kakitangan awam negeri dan 30 peserta dari kakitangan kerajaan persekutuan menghadiri seminar tersebut.

Majlis Perasmian Penutupan Seminar ICT Sektor Awam Wilayah Pedalaman Atas Tahun 2023 telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap II Ybhg. Puan Alijah Binti Ismail.



Seminar ini sangat relevan dengan tema "Inovasi Digital, Pemacu Ekonomi Mampan" yang menjadi isu utama dalam pembangunan ekonomi dan teknologi di negeri Sabah. Transformasi digital di wilayah pedalaman atas menjadi sangat penting dalam memastikan bahawa tiada daerah yang tertinggal dalam hal pembangunan ekonomi dan teknologi.



19/6/2023 [HARI PERTAMA] PROGRAM LAWATAN TEKNIKAL INOVASI DIGITAL 2023.

Tujuan program lawatan ini adalah bagi melaksanakan engagement / networking dengan organisasi yang terpilih. Di samping itu, menjana & mendapat penjelasan lanjut sebarang idea inovasi, teknologi atau penyelesaian (solution) yang berpotensi dilaksanakan di Negeri Sabah melalui sesi perkongsian, termasuk perihal persekitaran dan suasana kerja. Seramai 20 orang rombongan daripada Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Sabah Net Sdn Bhd yang diketuai oleh YBhg Datuk Dr Ahemad Sade Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) merangkap CIO Kerajaan Negeri Sabah.



1. HUAWEI CUSTOMER SOLUTION CENTRE

- Syarikat teknologi multinasional berpangkalan di Shenzhen, China.
- Ia mereka bentuk, membangunkan, membina dan memperdagang peralatan telekomunikasi, elektronik pengguna, dan peranti pintar.
- Customer Solution Innovation Centre (CSIC) di Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 23 November 2021.



2. POS DIGICERT SDN BHD

- DIGICERT is a leading Certification Authority (CA) in Malaysia providing trust solutions for e-businesses.
- DIGICERT is licensed by the Government of Malaysia under the Digital Signature Act of 1997. Our trust solutions are legally recognized under Malaysian law.





3. MEASAT SATELLITE SYSTEMS

-MEASAT Satellite Systems Sdn. Bhd, formerly Binariang Satellite Systems Sdn. Bhd, is a Malaysian communications satellite operator, which owns and operates the MEASAT and AFRICASAT spacecraft. The company provides satellite services to leading Malaysia broadcasters, Direct-To-Home platforms and telecom operators.




20/6/2023 [HARI KEDUA] PROGRAM LAWATAN TEKNIKAL INOVASI DIGITAL 2023.

Tujuan program lawatan ini adalah bagi melaksanakan engagement / networking dengan organisasi yang terpilih. Di samping itu, menjana & mendapat penjelasan lanjut sebarang idea inovasi, teknologi atau penyelesaian (solution) yang berpotensi dilaksanakan di Negeri Sabah melalui sesi perkongsian, termasuk perihal persekitaran dan suasana kerja. Seramai 20 orang rombongan daripada Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Sabah Net Sdn Bhd yang diketuai oleh YBhg Datuk Dr Ahemad Sade Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) merangkap CIO Kerajaan Negeri Sabah.



1. PETRONAS DIGITAL

- PETRONAS Digital Sdn Bhd adalah sebahagian daripada Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS)
- Ia melaksanakan program-program berfokuskan ICT seperti pengurusan aplikasi, seni bina, operasi, keselamatan, dan penyelesaian digital.



2. MANDIANT

- Mandiant adalah sebuah syarikat keselamatan siber yang berpangkalan di Amerika Syarikat.
- Pada tahun 2022, Mandiant telah menjadi sebahagian daripada Google LLC, syarikat teknologi multinasional Amerika Syarikat.



21/6/2023 [HARI KETIGA] PROGRAM LAWATAN TEKNIKAL INOVASI DIGITAL 2023.

Tujuan program lawatan ini adalah bagi melaksanakan engagement / networking dengan organisasi yang terpilih. Di samping itu, menjana & mendapat penjelasan lanjut sebarang idea inovasi, teknologi atau penyelesaian (solution) yang berpotensi dilaksanakan di Negeri Sabah melalui sesi perkongsian, termasuk perihal persekitaran dan suasana kerja. Seramai 20 orang rombongan daripada Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Sabah Net Sdn Bhd yang diketuai oleh YBhg Datuk Dr Ahemad Sade Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) merangkap CIO Kerajaan Negeri Sabah.



1.FORTINET MALAYSIA

- Fortinet, Inc. adalah syarikat keselamatan siber multinasional berpangkalan di Amerika Syarikat.
 - Ia membangun dan memperdagang penyelesaian keselamatan seperti firewall, endpoint security dan intrusion detection systems.
- CSIC di KL dirasmikan Perdana Menteri Malaysia pada 23 November 2021



2.TELEKOM MALAYSIA

- As Malaysia's leading converged telco, Telekom Malaysia Berhad (TM), is the National connectivity and digital technology provider.
- TM has served the nation with its comprehensive suite of communication services and solutions for 77 years and proudly continues to play its role in ensuring inclusive connectivity for all Malaysians.



- TM provides a wide range of communication service and solutions in enterprise digitalisation, fixed (telephony and broadband), mobility, content, WiFi, ICT, cloud, data centre, cyber security, Internet of Things (IoT) and smart services. Anchoring on its focus growth areas, TM is driven by stakeholder value creation and emphasises delivering an enhanced customer experience via continuous customer service quality improvements and innovations while ensuring increased Operational efficiency and productivity.

SEMINT 2023

SEMINAR ICT NEGERI SABAH KE-15 TAHUN 2023

27 Jun 2023

SEMINT merupakan program anjuran bersama lima rakan strategik iaitu MAMPU Sabah, Lembaga Koko Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Sabah.

SEMINT 2023 yang bertemakan "Pendigitalan Perkhidmatan Awam: Tanggungjawab Kita" dianjurkan sebagai anjakan paradigma dalam era transformasi digital khususnya sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat yang lebih mudah, cepat dan berkesan. Seminar ini dirasmikan oleh YBrs. Dr. Faridah Binti Abu Bakar Timbalan Ketua Pengarah ICT MAMPU.

Matlamat seminar ini adalah untuk mewujudkan satu pentas bagi perbincangan serta perkongsian teknologi dan inovasi ICT yang terkini bagi meningkatkan kualiti Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sabah dan Persekutuan melalui inovasi ICT.



Program 300K LANGKAH

1 APRIL - 30 APRIL 2023



2023
MAKE EVERY STEP COUNT
KELAB SUKAN DAN REKREASI KOMPUTER - KESITER

01
APRIL
2023

300K
RUN/WALK
ROUTE

Scan me

REGISTER YOURSELF NOW!

CONTACT PERSON : JAN CONNIE • 60198007731
BE MORE HAPPY AND HEALTHY TODAY!

PROGRAM 300K LANGKAH WINNERS ANNOUNCEMENT
MAKE EVERY STEP COUNT

1
JANCONNIE
Tarikh: 18/04/2023
Masa: 13:47:10
Langkah: 300,688

2
ELEZEBATH
Tarikh: 18/04/2023
Masa: 13:55:43
Langkah: 300,189

3
MONICA
Tarikh: 18/04/2023
Masa: 13:37:04
Langkah: 300,533

Congratulations on winning this challenge!
KELAB SUKAN DAN REKREASI KOMPUTER - KESITER
BE MORE HAPPY AND HEALTHY TODAY!


*Jumlah langkah yang tercapai adalah semak tarikh capai setiap peserta

PROGRAM 300K LANGKAH (1 APRIL 2023 - 30 APRIL 2023)

No.	Nama	Rumah Sukan	Total	Tarikh Siap
1	Monica Latus	Biru	509,956	11/4/2023
2	Jan Connie Rachel Jerry	Biru	509,310	10/4/2023
3	Zarfini Ahal Gafar	Biru	415,358	21/4/2023
4	Elezeboth Jelodi	Merah	412,592	11/4/2023
5	Julita Mujim	Merah	381,506	24/4/2023
6	Leuis Tokozin	Biru	359,707	16/4/2023
7	Emyyati Dewi Abbas	Kuning	344,251	22/4/2023
8	Noor Hidayah Ameeruddin	Merah	339,943	17/4/2023
9	Beatrice D Mikl	Kuning	334,338	28/4/2023
10	Winfred Binti Jouny	Kuning	329,419	28/4/2023
11	Vynah Elen Philipus	Biru	317,305	28/4/2023
12	Rozhan Mohd Ran	Kuning	316,771	30/4/2023
13	Theresa Lim	Biru	312,311	10/4/2023
14	Jacheal Tingkas	Merah	312,241	11/4/2023
15	Noraini Ramli	Biru	309,120	30/4/2023
16	Mahain Safran	Merah	305,253	10/4/2023
17	Nurul Affah Binti H Musa	Biru	300,120	10/4/2023
18	Mohd Nazrin Syahrin	Merah	293,231	-
19	Norfahana Mohd Fazal	Kuning	195,451	-
20	Jamrez Johany	Biru	194,767	-
21	Celine Fung	Merah	192,950	-
22	Normalyna Abdul Malek	Kuning	173,503	-
23	Aryus Ahal	Biru	169,475	-
24	Razakigh Bin Yusof	Biru	166,157	-
25	Omeh Masuzi	Biru	164,135	-
26	Ebekezer Godomon	Biru	159,668	-
27	Jessena M Jappin	Merah	159,379	-
28	Jennifer Mosa	Biru	157,946	-
29	Eti Abdul Mujid	Biru	156,911	-
30	Zurainah Jamil	Kuning	149,158	-
31	Mohd Alvin Zaidy	Merah	147,236	-
32	Muzid Saifuddin Bin Kasim	Merah	140,326	-
33	Nabeila Rammah Ramdan	Merah	138,179	-
34	Elwivi Elyasano	Merah	132,451	-
35	Abli Sengping	Merah	131,761	-
36	Karakan Bin Kalimin	Kuning	120,487	-
37	Shane Khal Yin Fook	Biru	119,170	-
38	Mohd Rozlan Jaafar	Kuning	113,145	-
39	Azriannie Amud	Kuning	105,243	-
40	Azri Answari	Biru	104,711	-
41	Nurul Alma Binti Kalim	Merah	85,635	-
42	Muhammad Azzam Haidingsir	Biru	81,539	-
43	Mohd Shahzwan Bin Ajan	Biru	81,383	-
44	Dorethy Pin	Merah	74,777	-
45	Kevin Alfred	Merah	72,103	-
46	Jude Grace Narcollinus	Merah	68,701	-
47	Josie Myoi	Biru	66,427	-

Program ini dibuat bukan sahaja dapat meningkatkan daya saing sihat secara individu tetapi sebagai peluang bagi setiap pasukan Rumah Sukan Biru, Merah dan Kuning menunjukkan semangat berpasukan dan semangat kekeluargaan dikalangan ahli. Tahniah kepada Pasukan RUMAH BIRU yang telah memenangi mata keseluruhan dengan meraih 10 Markah untuk program ini. Bagi Pasukan Rumah Sukan yang lain, jangan bersedih kerana akan ada lagi acara berpasukan menanti anda! Stay tuned!

LAPORAN PROGRAM 300K LANGKAH 2023



Program Kembara Sahur 15 April 2023



Kelab Sukan dan Rekreasi Komputer (KESITER) buat julung kalinya akan menganjurkan Program Kembara Sahur bagi tahun 2023 bersamaan dengan 1444H. Program ini akan memfokuskan 2 buah hospital di kawasan Kota Kinabalu iaitu Hospital Queen Elizabeth I dan Hospital Queen Elizabeth II. Golongan sasaran adalah ahli keluarga pesakit yang berasal daripada pedalaman dan terpaksa bermalam di kawasan perkarangan hospital kerana tidak mempunyai keluarga disini. Sumbangan berbentuk selimut dan juadah bagi bersahur akan diberikan kepada golongan ini. Di samping itu, kita juga akan berkongsi rezeki dengan mengedarkan juadah bersahur di perkarangan hospital. Program ini juga secara tidak langsung akan mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli KESITER dengan komuniti dalam masyarakat.

OBJEKTIF

- Memberi bantuan dan berkongsi rezeki pada bulan ramadan.
- Mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.
- Memberi kesedaran serta menerapkan nilai murni dalam diri ahli KESITER.





03/05/2023 Kedudukan terkini setiap Rumah Sukan setakat April 2023

FUTSAL FRIENDLY MATCH


KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR VS JPKN
25 MEI 2023



FUTSAL FRIENDLY MATCH

JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH VS JPKN

18 MEI 2023



PERLAWANAN PERSAHABATAN

Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi - JTMK, UMS VS JPKN

14 MEI 2023





Apakah aktiviti **SUKAN** anda?



SCAN

ME!




Kelab Sukan Dan Rekreasi Komputer - Kesiter

Kajian telah menunjukkan bahawa untuk seseorang itu menjalani kehidupan yang sihat dan selesa, mereka perlu cergas dari segi fizikal. Ini boleh dicapai dengan mudah dengan melibatkan diri secara aktif dalam sukan dan aktiviti riadah lain. Walaupun terdapat pelbagai sukan yang boleh anda pilih, anda mesti memilih yang terbaik untuk gaya hidup anda. AJK KESITER ingin tahu aktiviti-aktiviti yang diminati oleh ahli KESITER. Seramai 108 orang telah mengisi kajian ini. Pihak KESITER mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian Tuan/Puan dalam mengisi dan menjadi responden kajian ini.


Sila pilih kategori aktiviti anda (pilih 4 pun boleh)

108 responses



Sukan INDOOR

106 responses





Apakah aktiviti **SUKAN** anda?


Sila isi form ini

Kelab Sukan Dan Rekreasi Komputer - Kesiter





Sukan OUTDOOR

100 responses




Sukan EXTREME

94 responses



Aktiviti Riadah (Leisure activities)

107 responses





Apakah aktiviti **SUKAN** anda?

Sila isi form ini

Kelab Sukan Dan Rekreasi Komputer - Kesiter



Antara Cadangan sukan

INDOOR

- Zumba
- scrabble, pool/snooker
- zumba
- Congkak
- card game, board game, video game, jenga
- Tarik Tali
- Zumba?
- Pool
- Menyumpit belon
- Gym
- Shuffling
- Snooker
- RC Drift
- Pictionary, Jenga, Treasure hunt
- Yoga
- Sukan tradisional - engkek-engkek, batu seremban, bubut-bubut.
- Arm wrestling
- texas poker, blackjack, laplapfu
- Bina badan
- Aerodance
- Music
- Rhythm Indoor Cycling



OUTDOOR

- Sukaneka
- Family outdoor games
- Night run
- Baseball
- Kabaddi
- Rock climbing, paintball, airsoft
- Walking
- senamrobik
- Momolistik
- Trampoline
- Bola Baling
- Berenang berirama,
- Lumba jalan kaki
- Sepak raga
- Bola sepak pantai
- Rock climbing
- DRONE RACING - Drone racing is a sport where participants control "drones" (typically small radio-controlled aircraft or quadcopters), equipped with cameras while wearing head-mounted displays showing the live stream camera feed. Similar to full-size air racing, the goal is to complete a course as quickly as possible.



EXTREME

- Tarik Tali
- Would love to try surfing
- Sukaneka ekstrim
- Panjat Gunung
- Airsoft
- Zorbing
- 4x4
- Roller Skating, Skiing, Abseiling
- gel blaster
- flying fox
- bungy jumping dan zipline
- MMA, skydiving, parkour
- PARAGLIDING
- bull fighting
- Memancing laut dalam
- Car drift
- Flying fox Zipline -Ropeswing -Abseiling -Paragliding dan paramotor



AKTIVITI RIADAH

- Crochet
- Membersihkan pantai
- Kraftangan / DIY Homemade things
- Arcade
- Create Tik Tok Content
- Memburu
- Design and 3D printing
- Interior design
- Bird-watching, Outdoor Photography
- Memasak atau merewang, BBQ
- membuat ferro cement/plastik
- Boat Cruise
- Berzikir, Membaca Quran, Melukis grafiti, menternak Kelulut
- Aktiviti menanam bunga
- Memasak, buat origami,
- Anything upcycling project
- Band jamming
- Dengar music or konsert
- Dancing, flower arrangement, cooking/baking/steaming, self-improvement






MAJLIS SILATURAHIM DAN PENGIMARAHAN RAMADHAN JPKN 2023



DEWAN SERBAGUNA JPKN, TINGKAT 6, BLOK A, MENARA KINABALU



Kelab Sukan dan Rekreasi Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah bersama Persatuan Kebajikan Islam Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah untuk mengadakan Program Jalinan Kasih Semarak Bakti Simpulan Ukhuwah JPKN 2023 bagi menyambut ketibaan syawal warga JPKN termasuk yang telah pencen dan juga bersama agensi-agensi dibawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Sabah. Aktiviti seperti pertandingan memakai sampung, menganyam ketupat dan hiasan raya akan dianjurkan pada hari tersebut sebagai salah satu alternatif untuk menghayati sambutan Hari Raya di Malaysia. Pertandingan ini dibuka kepada semua warga Jabatan termasuk pelatih-pelatih industri yang ditempatkan di Jabatan ini. Antara objektif program ini adalah mengeratkan ukhuwah antara warga JPKN, bekas warga JPKN dan agensi-agensi kerjasama bersama JPKN tidak kaum dan etnik selaras dengan konsep Malaysia Madani. Mewujudkan satu konsep komuniti dalam kalangan warga JPKN yang mana mengamalkan amalan bekerjasama dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Membuka peluang kepada warga JPKN yang bukan beragama Islam untuk sama-sama bergembira merayakan hari raya.



Program Ibadah Korban

1 Julai 2023, Sabtu | 12 Zulhijjah 1444H
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1444H/2023M



Dengan kerjasama Penduduk Kg.
Brunei & Kg. Binsulok, Membakut
Kg. Brunei, Membakut & Surau Kg. Binsulok, Membakut

Sempena Hari Raya Aidiladha 1444H, Persatuan Kebajikan Islam Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (PERKIS-JPKN) telah menganjurkan Program Ibadah Korban bertempat di daerah Membakut. Program ini telah diadakan di dua lokasi secara serentak pada 1 Julai 2023 bersamaan 12 Zulhijjah 1444H. Hasil daripada penyertaan kakitangan dan ahli keluarga JPKN, sebanyak 2 ekor kerbau telah disumbangkan kepada penduduk Kg Brunei dan Kg Binsulok, Membakut. Selain itu, PERKIS-JPKN juga telah menyumbangkan pek makanan kepada 50 keluarga asnaf di Kg Brunei dan memberi sumbangan kepada Surau Jeti Kg Pagong2.

YB Datuk Dr. Hj Arifin bin Datuk Hj Mohd Arif, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Sabah, turut berkesempatan singgah sebentar kedua-dua lokasi program. Ribuan terima kasih diucapkan.



Program Ibadah Korban

1 Julai 2023, Sabtu | 12 Zulhijjah 1444H
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1444H/2023M



Dengan kerjasama Penduduk Kg. Brunei & Kg. Binsulok, Membakut
Kg. Brunei, Membakut & Surau Kg. Binsulok, Membakut



Program Ibadah Korban

1 Julai 2023, Sabtu | 12 Zulhijjah 1444H
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1444H/2023M



Dengan kerjasama Penduduk Kg. Brunei & Kg. Binsulok, Membakut
Kg. Brunei, Membakut & Surau Kg. Binsulok, Membakut



**JABATAN PERKHIDMATAN
KOMPUTER NEGERI**



WWW.JPKN.SABAH.GOV.MY

**Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,
Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas, 88400,
Kota Kinabalu, SABAH**

